

Anggota Parlimen Stampin Dapat Restu Keluarga, Timbang Semula Niat Bersara

Bernama

31 Mac, 2013

KUCHING, 31 Mac (Bernama) -- Anggota Parlimen Stampin Datuk Yong Khoon Seng berkata Ahad beliau bersedia menimbang semula hasratnya mengundur diri daripada bergerak aktif dalam politik sekiranya Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak memilihnya untuk mempertahankan kerusi itu pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Tokoh Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) itu, berkata setelah mendapat restu keluarga beliau menyerahkan kepada kepimpinan tertinggi Barisan Nasional (BN) untuk membuat keputusan muktamad tentang perkara itu walaupun telah beberapa kali mengumumkan hasratnya mengundurkan diri bagi membolehkannya memberi lebih tumpuan terhadap keluarga.

"Saya sudah bincang perkara ini dengan keluarga saya dan mereka memahami kedudukan saya...jadi, sekarang perlu menimbang semula dan sekiranya rakyat masih mahukan saya, saya akan terus berkhidmat," kata Yong, 71, yang juga Timbalan Menteri Kerja Raya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan dan majlis penyampaian anugerah pelajaran Persatuan Tung Yang Sarawak di Kuching.

Pada Jumaat, selepas memberi taklimat kepada Najib, yang juga pengerusi BN kebangsaan, tentang persiapan parti itu dan status Stampin di Putrajaya, presiden SUPP Datuk Seri Peter Chin berkata pemimpin tertinggi BN itu akan membuat keputusan muktamad tentang pemilihan Yong sebagai 'calon boleh menang' BN pada PRU-13.

Berikutan hasrat Yong berundur setelah berkhidmat sebagai anggota parlimen selama lima penggal berturut-turut, jawatankuasa kerja pusat SUPP mencalonkan hanya setiausaha agung Pemuda SUPP Wilfred Yap untuk dipertimbang sebagai calon bagi kawasan itu.

Ditanya peluangnya bagi mengekalkan kerusi Stampin untuk penggal keenam berturut-turut sekiranya dipilih, lebih-lebih lagi memandangkan tiga kerusi negeri di kawasan itu disandang pembangkang iaitu Kota Sentosa dan Batu Kawah oleh DAP, manakala Batu Lintang Parti Keadilan Rakyat (PKR), Yong berkata arah aliran pengundian dan isu dalam pilihan raya parlimen berbeza daripada pilihan raya negeri.

Pada pilihan raya parlimen 2008, Yong mengekalkan kerusi itu dengan mengalahkan Voon Lee Shan daripada DAP dan See Chee How (PKR) dengan majoriti 3,070 undi.

Walaupun belum dihubungi mana-mana kepimpinan tertinggi BN, termasuk Najib, tentang kemungkinan beliau dipilih sebagai calon, Yong berkata ramai rakannya daripada SUPP meminta beliau menimbang semula rancangan untuk mengundurkan diri.

Selain Chin, ketua SUPP Cawangan Sibu, Datuk Seri Wong Soon Koh juga berharap Yong bersetuju mempertahankan kerusi Stampin untuk parti itu kerana beliau merupakan calon yang mempunyai peluang paling cerah untuk menang di kawasan Kuching, di mana SUPP diperuntukkan dua kerusi - Stampin dan Bandar Kuching.

SUPP, yang kehilangan kerusi parlimen Bandar Kuching pada pilihan raya parlimen lepas dan Sibu pada pilihan raya kecil 2010, juga akan bertanding bagi kerusi parlimen Serian, Sarikei, Lanang, Sibu dan Miri.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=938410>